

Bil. S 74

**PERINTAH PIHAK BERKUASA MARITIM DAN PERLABUHAN
BRUNEI DARUSSALAM, 2017
(S 22/2017)**

Pemberitahuan permulaan kuat kuasa

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 1(1) dari Perintah Pihak Berkuasa Maritim dan Perlabuhan Brunei Darussalam, 2017, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini menetapkan 28hb September 2017 sebagai tarikh Perintah itu mula berjalan kuat kuasanya.

Bertarikh pada hari ini 29 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan September, 2017.

**DATO SERI SETIA AWANG HAJI MUSTAPPA
BIN HAJI SIRAT**
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Bil. S 75

PERINTAH EKSAIS, 2006
(S 40/2006)

PERATURAN-PERATURAN DUTI EKSAIS (BAYARAN TERTUNDA), 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran
 2. Permohonan
 3. Kebenaran bagi penundaan duti eksais dan pemindahan barang-barang
-

PERINTAH EKSAIS, 2006
(S 40/2006)

PERATURAN-PERATURAN DUTI EKSAIS (BAYARAN TERTUNDA), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab-bab 13A dan 160 dari Perintah Eksais, 2006, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Duti Eksais (Bayaran Tertunda), 2017.

Permohonan

2. (1) Seseorang yang membawa masuk barang-barang berduti dalam masa menjalankan atau bagi meneruskan apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya boleh membuat suatu permohonan kepada Pengawal bagi —

(a) penundaan bayaran duti eksais; dan

(b) kebenaran supaya barang-barang itu dipindahkan daripada tempat pengilangan yang dinyatakan dalam suatu lesen di bawah bab 53, gudang Jabatan Pelabuhan, gudang eksais atau gudang berlesen, mengikut mana yang berkenaan, walaupun duti eksais yang boleh dikenakan ke atas pengimportannya belum lagi dibayar.

(2) Tiap-tiap permohonan yang dibuat di bawah peraturan kecil (1) —

(a) hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara, dan diberikan dengan maklumat dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal;

(b) hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal; dan

(c) tidak boleh memasukkan apa-apa perisytiharan atau maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat.

Kebeneran bagi penundaan duti eksais dan pemindahan barang-barang

3. (1) Pengawal boleh, atas suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan 2(1) dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi apa-apa kehendak yang disebut dalam peraturan 2(2)(b), membenarkan permohonan itu tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya.

(2) Pengawal boleh menghendaki orang itu untuk memberikan jaminan dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam amaun dan untuk membuat penyusunan bagi pembayaran duti eksais sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

(3) Kebenaran yang diberikan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

(4) Pengawal boleh, pada bila-bila masa, dengan notis secara bertulis, mengubah atau membatalkan mana-mana kebenaran yang diberikan di bawah peraturan ini jika dia berpuas hati bahawa orang itu —

(a) telah memberikan apa-apa perisytiharan atau maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah peraturan 2(2)(a); dan

(b) telah gagal mematuhi mana-mana syarat atau kehendak yang dikenakan oleh Pengawal di bawah peraturan kecil (1).

(5) Seseorang yang telah diberikan kebenaran di bawah peraturan ini tidak boleh menggunakan kebenaran itu, dan hendaklah mengambil segala langkah untuk memastikan bahawa orang lain tidak menggunakan kebenaran itu (sama ada bagi pihak orang itu atau pun selainnya), kecuali bagi maksud-maksud kebenaran itu diberikan.

(6) Seseorang yang telah diberikan kebenaran di bawah peraturan ini hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengawal mengenai apa-apa perubahan yang berkaitan dengan butir-butir atau maklumat yang diberikan berkenaan dengan permohonannya yang dibuat di bawah peraturan 2.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan September, 2017.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II,
Negara Brunei Darussalam.